

03/03/1997

ITTAR pertingkat pengambilan pelajar

Mohd Feroz Abu Bakar

INSTITUT Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) akan mempertingkatkan pengambilan pelajar dalam bidang pemasaran perniagaan untuk menambah bilangan Bumiputera yang terlatih dan berketrampilan dalam bidang berkenaan.

Presiden ITTAR, Datuk Hassan Harun, berkata Bumiputera sudah berjaya dari segi pembuatan atau pengeluaran barangan tetapi lemah dari aspek pemasarannya.

"Kurun ke-21 yang akan kita tempuh tiga tahun lagi adalah abad yang penuh dengan cabaran dan menuntut individu yang mempunyai pelbagai kemahiran seperti pengetahuan pengurusan perniagaan, perakaunan dan komputer.

"Kita tidak harus berhenti belajar setelah lulus dalam sesuatu bidang sebaliknya perlu meningkatkan ilmu dalam bidang-bidang lain supaya kita boleh bersaing secara global," katanya dalam ucapan Konvokesyen ITTAR ke-3 di Pusat Islam, Kuala Lumpur Sabtu lalu.

Hadir sama ialah isteri bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak, Tun Rahah Mohd Noah dan Ketua Pendaftar, Institut Pendidikan Tinggi Swansea (SIHE), Trevor Mcload.

ITTAR ialah institusi pengajian tinggi swasta milik penuh Koperasi Usaha Bersatu (KUB) Malaysia Berhad. Institut itu ditubuhkan pada 1 Oktober 1991 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 11 Mac 1992.

Hassan berkata, jika kita ingin menghadapi cabaran itu, daya saing kita perlu ditingkatkan agar dapat bergerak seiring dengan negara maju.

Menurutnya, sebuah pertubuhan antarabangsa beribu pejabat di Geneva menyenaraikan Malaysia di tempat ke-10 dari segi daya saing di dunia, iaitu mengatasi Jepun, United Kingdom dan Australia.

Dalam konvokesyen itu, seramai 2,495 graduan menerima diploma dan sijil masing-masing dalam majlis yang dibahagikan kepada tiga sesi.

Pada sesi pagi Sabtu lalu, seramai 194 graduan menerima Diploma Pasca Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan, Diploma Lanjutan dalam Perniagaan dan Pengurusan serta Diploma Lanjutan Pengurusan Pemasaran.

Semua diploma bagi program pengajian usaha sama ITTAR-SIHE itu disampaikan oleh Tun Rahah manakala 533 graduan lagi menerima diploma dan sijil dalam bidang pengurusan hotel dan pusat peranginan, pentadbiran pejabat dan perakaunan.

Pada sesi sebelah petang pula, Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar menyampaikan diploma dan sijil kepada 892 graduan teknologi maklumat, pengajian komputer dan keusahawanan.

Pada sesi ketiga pada pagi semalam, seramai 876 graduan menerima diploma daripada Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed. Antaranya ialah Diploma Perniagaan dan Pengurusan, Diploma Perakaunan dan Diploma Pengurusan Pemasaran.

Hassan yang juga Pengerusi KUB berkata, KUB bercadang menyerap graduan ITTAR untuk bekerja dengan organisasi itu pada masa depan.

Menurutnya, ITTAR juga akan dinaikkan ke taraf universiti tidak lama lagi dengan konsep Universiti Virtual atau maya.

Katanya, jika diizinkan oleh kerajaan, universiti itu akan dinamakan Universiti Antarabangsa Tun Abdul Razak.

Selain kampus induk di Kuala Lumpur, ITTAR mempunyai cawangan di Alor Setar, Kota Bharu, Johor Bahru, Langkawi dan Seberang Prai, Pulau Pinang.

ITTAR mempunyai program kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia dan

SIHE, kolej sekutu dengan Universiti Wales, United Kingdom.

ITTAR juga bekerjasama dengan universiti itu bagi mengendalikan kursus Sarjana Pengurusan Perniagaan.

Lebih 6,000 graduan telah lulus dalam pelbagai bidang pengajian dari institusi itu sejak ditubuhkan enam tahun lalu.

(END)